



eksentrik

EKSTRA Hidup selepas mati

- Bagi masyarakat Cina, kematian bermaksud pemindahan manusia ke dunia lain yang bersifat abadi.
- Orang Cina percaya kehidupan di dunia selepas kematian sama dengan alam manusia, jadi mereka menganggap orang yang berada di alam sana turut memerlukan keperluan yang sama dengan alam manusia.

- Dunia si mati bukan berbentuk fizikal serta bertentangan dengan dunia manusia. Jika waktu siang adalah terang di alam manusia,

KEKURANGAN bekalan iPad 2 keluaran Apple bukan sahaja berlaku di alam manusia malah turut melanda alam selepas kematian apabila banyak keluarga berketurunan Cina di Malaysia berebut-rebut membeli replika kertas gajet terbaru itu.

Replika kertas itu dibakar sebagai salah satu amalan yang berusia ratusan tahun untuk dihantar kepada roh nenek-moyang mereka di dunia yang lagi satu.

Sepanjang Festival Qingming atau dikenali sebagai festival membersihkan pusara berlangsung dari 4 hingga 20 April setiap tahun, komuniti Cina di Asia akan mengingati roh nenek-moyang mereka dengan membakar duit palsu atau replika barang-barang mewah seperti kereta dan beg berjenama mewah.

Festival yang bertunjangkan ajaran Confucius itu mendidik pengikutnya untuk taat kepada keluarga dan amalan tradisi.

Ita turut diraikan oleh sebilangan besar penduduk Malaysia berketurunan Cina.

888 gigabait

“Sesetengah pelanggan mendapat alamat mimpi bahawa saudara-mara mereka yang telah meninggal dunia meminta



SELAIN kereta, gajet elektronik canggih dan beg tangan jenama mewah turut dibakar.

iPad, Mercedes untuk si mati

Kosmo 10/4/2011 16
Tradisi menghantar hadiah masyarakat Cina telah berubah.

di alam kematian waktu siang mereka adalah gelap.

● Sebab itu, barang-barang pemujaan dibakar kerana asap yang terhasil mewakili barang-barang yang dibakar di alam kematian.

● Mereka percaya si mati akan melakukan pekerjaan di alam kematian sama seperti dia hidup. Jadi jika si mati seorang nelayan, perlatan nelayan seperti kapal akan dibakar.

barang-barang mewah termasuk iPad2.

“Buat masa ini, saya boleh menawarkan model iPad sahaja,” kata penjual barang-barang sembahyang Cina, Jeffrey Te sambil mengisi replika wang ke dalam bekas di kedainya yang terletak di pinggir pusat bandar Kuala Lumpur.

Selain model iPad, beliau juga menawarkan model gajet replika kertas lain seperti iPhone dan Samsung Galaxy Tabs.

Sama seperti masalah kekurangan bekalan yang dihadapi syarikat Apple Inc., Jeffrey telah mengimport

sebanyak 300 buah iPad2 dari China sebagai persediaan menyambut perayaan Qingming tetapi ia habis dalam masa yang singkat.

Dia kini berdepan permintaan yang semakin meningkat.

Jeffrey menjual model kertas komputer tablet jenama iPad dan iPad 2 pada harga RM3 sahaja untuk memori berkapasiti sebanyak 888 gigabait, jauh berbeza daripada harga iPad yang sebenar iaitu RMI,500 bagi setiap unit komputer pintar yang berkapasiti 16 gigabait.

Kapasiti replika kertas sebanyak 888 gigabait dipilih kerana dalam budaya orang Cina, lapan adalah nombor bertuah.

Namun, tidak semua orang Cina akan membeli replika kertas yang berupa gajet-gajet teknologi untuk dikirimkan kepada saudara-mara yang telah meninggal dunia.

“Mereka yang berada di alam sana terdiri daripada warga tua, jika kamu mengirimkan sesuatu benda seperti iPad, mereka tidak tahu menggunakannya.

“Jadi kami masih mengamalkan perkara tradisional seperti menghantar kasut, baju dan keperluan lain,” kata Thomas Soong, 61, ketika ditemui sedang membakar sejumlah wang palsu di kubur neneknya.

Sementara itu, ahli sosiologi dan antropologi yang banyak mengkaji perihal masyarakat Cina, Ann Wan Seng, 43, berkata, perubahan barang-barang yang dibakar adalah cerminan masyarakat Cina sebagai suatu bangsa yang bersedia menerima perubahan.

“Perubahan itu bukan sesuatu yang bersifat fenomena tetapi adalah manifestasi kaum Cina kepada sikap, pandangan dan cara hidup mereka yang mudah mengadaptasi perubahan pada bila-bila masa.



REPLIKA kereta kertas banyak diimport dari China.



iPAD untuk si mati cuma berharga RM3 sebuah.

Penghormatan

“Saya masih ingat lagi 40 tahun dahulu, kaum Cina sudah pun membakar barang-barang teknologi seperti telefon dan televisyen yang ketika itu merupakan teknologi canggih,” kata Wan Seng kepada *Jurnal*.

Mengulas mengenai pandangan sesetengah masyarakat Cina yang berbeza pendapat berkenaan gajet-gajet elektronik dijadikan bahan pemujaan, Wan Seng menyifatkan itu adalah

pandangan peribadi individu.

Apa yang penting, kata beliau, matlamat sebenar upacara tersebut dapat dihayati.

“Sejarah Festival Qingming dikesan wujud sejak 3,700 tahun lalu. Ia adalah suatu acara simbolik orang yang masih hidup menunjukkan penghormatan, kesetiaan dan tanda ingatan serta pernyataan membalas budi kepada si mati.

“Oleh sebab itu, apabila seseorang itu membakar banyak barang keperluan, ia ditafsirkan sebagai perasaan semakin sayang orang yang masih hidup kepada si mati,” katanya.

Selain itu, Wan Seng menambah, jika barang keperluan tidak dihantar, si mati akan kelaparan dan sengsara di alam sana dan ditakuti mereka akan pergi ke alam manusia serta mengganggu cucu-cicit mereka.

- ADLAN JAAFAR



TRADISI yang dilakukan semasa Festival Qingming ini adalah suatu acara simbolik orang yang masih hidup menunjukkan penghormatan kepada waris yang telah meninggal dunia.